

KARANGAN BERGAMBAR

Lengkapkan karangan dengan frasa yang disediakan.



dilanda ribut taufan	Bangsa Melayu
hidup rukun	dapat hidup dengan selesa
rumah itu adalah peninggalan	untuk membina semula
di tepi laut	Ribut Di Kampong Pisang
tinggal di asrama	menyerahkannya kepada
diperbuat daripada papan	menyambut Hari Raya
dengan lebatnya	bekerja sebagai nelayan
muafakat itu membawa berkat	bermesyuarat diketuai oleh
menghulurkan bantuan	terima kasih kepada ketua kampung
telah roboh	bersimpati dengan musibah
selamat dalam bencana itu	siap dalam masa

Tajuk: _____

Kampung Pisang terletak _____. Penduduknya terdiri daripada _____. Kampung Pisang sudah lama dibuka, iaitu sebelum zaman penaklukan Jepun lagi. Kebanyakan penduduknya _____. Rumah-rumah yang terdapat di Kampung Pisang _____.

Pada tahun lepas, Kampung Pisang telah _____. Hujan turun _____ beserta angin kencang. Dalam kejadian itu, banyak rumah yang rosak. Rumah Makcik Rosnah adalah yang paling teruk terjejas. Rumahnya _____ dihempap pokok. Mujurlah Makcik Rosnah sekeluarga _____.

Makcik Rosnah sangat sedih kerana _____ arwah suaminya. Suaminya meninggal dunia lima tahun yang lepas. Tinggallah dia dan anak-anaknya. Jiran-jiran _____ yang menimpa Makcik Rosnah sekeluarga. Orang kampung _____ berupa makanan dan pakaian. Makcik Rosnah dan anak bongsunya menumpang di rumah ketua kampung. Anak-anaknya yang lain pula _____ kerana mereka bersekolah di sekolah berasrama penuh.

Orang kampung _____ Haji Mutalib, Ketua
Kampung Pisang. Mereka sepakat _____ rumah Makcik
Rosnah di tapak rumahnya yang telah roboh. Pada hari Ahad, bermulalah
orang kampung bergotong-royong membina rumah baru untuk Makcik
Rosnah. Rumah baru Makcik Rosnah _____ lebih kurang sebulan.

Setelah rumah itu siap, ketua kampung beserta orang kampung
_____ Makcik Rosnah sekeluarga. Makcik Rosnah
sangat terharu atas pertolongan orang-orang kampung. Dia mengucapkan
_____ dan seluruh penduduk kampung yang
telah menghulurkan bantuan kepada keluarganya. Dengan adanya rumah
baru itu, Makcik Rosnah sekeluarga _____ semula.
Makcik Rosnah juga dapat _____ di rumah sendiri pada
tahun itu.

Dari cerita di atas, dapatlah dijadikan contoh betapa pentingnya
_____ dalam sesebuah kampung. Kesusahan seseorang
dapat diringankan dengan adanya permuafakatan dan saling membantu
kerana _____.